

1. Albert _____ kerana suka mengambil barang-barang orang lain tanpa pengetahuan mereka.

- ☐ A batu api
- ☐ B telinga kuali
- ☐ C rambang mata
- ☐ D panjang tangan

2. Zamil menegur adiknya supaya menggunakan bahasa yang sopan apabila bercakap kerana baginya _____.

- ☐ A hilang bahasa lenyaplah bangsa
- ☐ B bahasa menunjukkan bangsa
- ☐ C hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ D bersekutu bertambah mutu

3. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Hafzan tidak sanggup lagi untuk hidup susah di kampung. Dia hendak mengadu nasib di Kuala Lumpur. Sekiranya dia bernasib baik, dia akan memperoleh kejayaan dan begitu jugalah sebaliknya.

- ☐ A untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- ☐ B yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ C siapa cepat dapat dahulu, siapa kemudian putih mata
- ☐ D yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

4. Nadhirah bercakap tidak henti-henti. Sikapnya yang _____ itu amat merimaskan rakan sekelasnya.

- ☐ A bagai lebah menghimpun madu
- ☐ B bagai si kudung beroleh cincin
- ☐ C bagai murai tercabut ekor
- ☐ D bagai kumbang putus tali

5. Fatin lemah dalam pelajaran tetapi berkat kerajinannya mengulang kaji pelajaran, akhirnya dia memperoleh kejayaan yang cemerlang. Bak kata pepatah _____.

- ☐ A belum duduk sudah berlunjur
- ☐ B batu direbus masakan empuk
- ☐ C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- ☐ D belakang parang kalau diasah nescaya tajam

6. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Lina yang cemerlang dalam pelajaran menjadi murid kesayangan guru kelasnya.

- ☐ A anak emas
- ☐ B bidan terjun
- ☐ C anak angkat
- ☐ D ayam tambatan

7. Azwan memakai pakaian yang tebal ketika berada di Tanah Tinggi Cameron kerana suasana di sana _____.

- ☐ A gelap seperti malam
- ☐ B jernih seperti cermin
- ☐ C sibuk macam lebah
- ☐ D sejuk seperti salji

8. Azhan dan Ramli hanya _____ tetapi mereka berdua sering bertemu untuk merapatkan hubungan kekeluargaan.

- ☐ A ajak-ajak ayam
- ☐ B jinak-jinak ayam
- ☐ C bau-bau bacang
- ☐ D malu-malu kucing

9. Maksud peribahasa "cepat kaki ringan tangan" ialah _____.

- ☐ A orang yang hina menjadi mulia
- ☐ B orang yang rajin dan pantas bekerja
- ☐ C orang yang bijak merebut peluang yang datang
- ☐ D orang lemah yang dapat mengalahkan orang yang kuat

10. Wadi dan Saiful _____ apabila dimarahi oleh guru disiplin kerana bergaduh.

- ☐ A diam seperti tunggul
- ☐ B pekak seperti badak
- ☐ C becok seperti murai
- ☐ D berat seperti batu

11. Encik Razak menasihati anak-anaknya agar menabung wang lebihan belanja sekolah. Baginya, _____.

- ☐ A sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
- ☐ B sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- ☐ C yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

12. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Perniagaan Encik Karim merosot disebabkan penipuan yang dilakukan oleh orang kepercayaan.

- ☐ A api kecil baik dipadamkan
- ☐ B cacing hendak menjadi naga
- ☐ C anak harimau jangan dibela pelihara
- ☐ D berharapan pagar, pagar makan padi

13. Kasih sayang Hafiq terhadap isterinya semakin pudar _____ walaupun baru tiga tahun mereka mendirikan rumah tangga.

- ☐ A seperti duduk dalam duri
- ☐ B seperti embun di atas daun
- ☐ C seperti telur di hujung tanduk
- ☐ D seperti embun di hujung rumput

14. Muka Sarimah _____ apabila terdengar bunyi yang menakutkan dari belakang rumahnya.

- ☐ A jahat seperti hantu
- ☐ B pucat seperti mayat
- ☐ C pekak seperti badak
- ☐ D diam seperti tunggul

15. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Suasana riuh-rendah di dalam kelas itu bertukar senyap apabila Cikgu Norlia masuk.

- ☐ A umpama pahat dengan penukul
- ☐ B bagai embun di hujung rumput
- ☐ C seperti kucing dibawakan lidi
- ☐ D seperti ikan pulang ke lubuk

16. Hayati lebih gemar mengisi masa lapangnya dengan membaca buku daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah kerana _____.

- ☐ A ilmu pelita hati
- ☐ B masa itu emas
- ☐ C muafakat itu berkat
- ☐ D bertanggung itu pencuri masa

17. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Lee suka bercakap kasar. Namun begitu, apabila dia hendak meminjam sesuatu daripada orang lain, dia akan merendah diri dan bersikap lemah lembut.

- ☐ A lain di mulut, lain di hati
- ☐ B lunak gigi daripada lidah
- ☐ C indah khabar daripada rupa
- ☐ D kalau ada asap, tentu ada api

18. Najihah dan Hashimah berjaya menjejakkan kaki ke menara gading setelah mengharungi pelbagai kesulitan bersama-sama. Bak kata pepatah, _____.

- ☐ A bagaimana acuan, begitulah kuihnya
- ☐ B biar berputih tulang, jangan berputih mata
- ☐ C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- ☐ D kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya

19. Puan Sabariza tidak gemar membeli pakaian di butik itu kerana harga pakaian yang dijual di situ _____.

- ☐ A keras seperti batu
- ☐ B manis seperti gula
- ☐ C mahal seperti emas
- ☐ D malas seperti keldai

20. Janganlah kamu memandang rendah akan kebolehannya bermain badminton kerana dia _____.

- ☐ A seperti tikus jatuh di beras
- ☐ B seperti pipit menelan jagung
- ☐ C seperti mengajar itik berenang
- ☐ D seperti harimau menyembunyikan kukunya